

07 MAY 1996

Osman-Jawatan

SAYA DIARAH PERDANA MENTERI SUPAYA LETAK JAWATAN, KATA OSMAN

ALOR SETAR, 7 Mei (Bernama) -- Tan Sri Haji Osman Aroff hari ini berkata beliau mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah kerana arahan Perdana Menteri.

"Cuma saya nak katakan saya telah hantar surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri kerana Perdana Menteri minta saya buat surat itu," katanya kepada pemberita yang menunggu di luar perkarangan kediamannya di Lorong Menteri 1, di sini.

Osman berkata ia dikemukakan beberapa bulan yang lepas tetapi enggan menyatakan tarikh sebenar surat itu dihantar.

Ketika ditanya bila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta beliau mengemukakan surat perletakan jawatan itu, Osman berkata: "Lama juga dah".

Menurutnya, beliau telah berbincang dengan Dr Mahathir mengenai perkara itu dan jika perlu, beliau akan menemui Perdana Menteri sekali lagi.

Ketika ditanya mengenai tarikh berkuatkuasanya perletakan jawatannya itu, Osman berkata perkara itu tidak didapat nyatakan lagi.

"Saya tak tahu apa PM nak buat selepas ini...PM baru buat pengumuman semalam, jadi saya cuma mengesahkan apa yang PM katakan itu.

"Selanjutnya saya tak tahu apa yang akan berlaku."

Semasa ditanya pemberita di Bangunan Parlimen selepas membenteng usul Rancangan Malaysia Ketujuh semalam, Dr Mahathir menyatakan bahawa Osman telah menyerahkan surat perletakan jawatannya tetapi beliau belum membuat keputusan mengenainya.

Sehingga keputusan dibuat, Osman akan terus menjalankan tugas sebagai Menteri Besar.

Ketika ditanya sama ada beliau sudah menjangka yang Dr Mahathir akan membuat pengumuman mengenai perletakan jawatannya itu semalam, Osman berkata beliau tidak menjangkakannya.

"Saya terkejut...Tiada tanda-tanda ia akan diumumkan," katanya.

Osman juga berkata bahawa jika perlu, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan anggota UMNO Negeri Kedah untuk memberi penjelasan mengenai tindakannya itu.

Ketika ditanya mengenai rancangannya selepas ini, beliau berkata: "Saya masih Menteri Besar, jadi saya kena menjalankan tugas sebagai Menteri Besar."

Mengenai kedudukannya sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jitra, Osman berkata perkara itu belum difikirkan lagi.

"Yang itu belum tahu lagi. Saya cuma buat surat perletakan jawatan (Menteri Besar), diminta oleh PM.

"Apa keputusannya saya tak tahu lagi. Jadi, tunggulah keputusan itu...satu satulah. Saya tidak boleh mendahului (Perdana Menteri)," katanya.

Osman juga ditanya sama ada beliau akan bertanding bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi Umno pada pemilihan parti Oktober ini.

Katanya, beliau sudah mengemukakan borang pendaftaran untuk bertanding jawatan itu tidak lama dahulu.

Sebelum ini ketika timbul khabar angin sejak selepas pilihan raya umum 1995 bahawa beliau akan meletakkan jawatan Menteri Besar, Osman pernah memberitahu pemberita bahawa beliau akan berbuat demikian sekiranya diminta oleh Perdana Menteri.

Beliau juga pernah berkata bahawa beliau akan akur dengan keputusan pucuk pimpinan.

Osman mula memegang jawatan Menteri Besar, yang keempat bagi Kedah, pada 28 Jan 1985.

Beliau juga merupakan wakil rakyat paling lama di negeri ini dengan menjadi ADUN Jitra sejak pilihan raya umum 1969. -- BERNAMA

MFJ NMO